



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


3 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 161 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 241,122 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu dan Papar. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 217 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 234,007 orang. Manakala 673 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 359 orang di hospital, 313 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 35 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 11 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (24.72%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kedudukan jumlah kes harian kekal stabil dan tidak banyak berubah daripada kedudukan semalam. Terdapat sedikit penurunan sebanyak 4 kes berbanding semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes baharu Negeri Sabah hari ini 161 kes.
- b. Kota Kinabalu kekal daerah dengan kes tertinggi sebanyak 37 kes, diikuti oleh Penampang 19 kes, Tuaran 19 kes, Kota Belud 19 kes, Ranau 17 kes dan Keningau 12 kes. Enam (6) daerah mencatatkan kes dua (2) angka, 11 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan tidak ada kes baharu di sepuluh 10 daerah.
- c. Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan di Ranau iaitu Kluster Jalan Kem Bina yang melibatkan sebuah hotel. Indeks bagi kluster ini merupakan seorang pekerja di Hotel Perkasa Kundasang yang dikesan positif melalui Saringan Bergejala. Saringan yang dibuat dikalangan kontak rapat mendapati 39 orang lagi dikesan positif COVID-19.
- d. Sejumlah 157 daripada 161 kes hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Tidak ada kes dalam Kategori 3, manakala tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan terdapat satu (1) kes dalam Kategori 5.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (61) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 6 | 3.75% |
| 2 | Bergejala | 61 | 37.89% |
| 3 | Kontak | 61 | 37.89% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 33 | 20.49% |
| JUMLAH | | 161 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (02 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 02/01/2022 | Catatan Kes 03/01/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Tuaran | 8 | 19 | +11 |
| 2 | Keningau | 5 | 12 | +7 |
| 3 | Kota Kinabalu | 33 | 37 | +4 |
| 4 | Tambunan | 4 | 7 | +3 |
| 5 | Tenom | 2 | 4 | +2 |
| 6 | Pitas | 0 | 1 | +1 |
| 7 | Kota Belud | 19 | 19 | Mendatar |
| 8 | Penampang | 19 | 19 | Mendatar |
| 9 | Ranau | 17 | 17 | Mendatar |
| 10 | Sandakan | 4 | 4 | Mendatar |
| 11 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 12 | Semporna | 0 | 0 | Mendatar |
| 13 | Tongod | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Sipitang | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 16 | Tawau | 11 | 3 | -8 |
| 17 | Kota Marudu | 10 | 2 | -8 |
| 18 | Papar | 10 | 7 | -3 |
| 19 | Beaufort | 5 | 2 | -3 |
| 20 | Nabawan | 2 | 0 | -2 |
| 21 | Lahad Datu | 2 | 0 | -2 |
| 22 | Kudat | 4 | 3 | -1 |
| 23 | Putatan | 4 | 3 | -1 |
| 24 | Kuala Penyu | 3 | 2 | -1 |
| 25 | Telupid | 1 | 0 | -1 |
| 26 | Beluran | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Kinabatangan | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 165 | 161 | -4 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 15 Hari (20 Disember – 02 Januari) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 15 | 12 | 0 | 10 | 37 | 444 |
| Tuaran | 0 | 9 | 6 | 0 | 4 | 19 | 320 |
| Penampang | 0 | 7 | 5 | 0 | 7 | 19 | 218 |
| Kota Belud | 0 | 9 | 9 | 0 | 1 | 19 | 200 |
| Ranau | 6 | 0 | 10 | 0 | 1 | 17 | 203 |
| Keningau | 0 | 7 | 4 | 0 | 1 | 12 | 91 |
| Tambunan | 0 | 5 | 2 | 0 | 0 | 7 | 56 |
| Papar | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 | 7 | 127 |
| Sandakan | 0 | 0 | 3 | 0 | 1 | 4 | 59 |
| Tenom | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 4 | 41 |
| Putatan | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 | 3 | 106 |
| Tawau | 0 | 0 | 1 | 0 | 2 | 3 | 41 |
| Kudat | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 26 |
| Beaufort | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 2 | 95 |
| Kota Marudu | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 71 |
| Kuala Penyu | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 51 |
| Pitas | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 8 |
| Sipitang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 42 |
| Beluran | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 27 |
| Kinabatangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 15 |
| Lahad Datu | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 19 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 |
| Telupid | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 22 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| JUMLAH | 6 | 61 | 61 | 0 | 33 | 161 | 2,310 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|------------------------|-------------------|
| Ranau | Kluster Jalan Kem Bina | 6 |
| Jumlah | | 6 |

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Kem Bina - Ranau adalah kluster jenis tempat kerja yang berlaku di Hotel Perkasa Kundasang dalam daerah Ranau. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 59, dan kakitangan hotel terbabit yang dikesan positif melalui saringan bergejala di Hospital Ranau pada 23 Disember 2021. Saringan terhadap 70 kontak rapat, rakan sekerja serta keluarga mendapati 39 lagi kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 40 kes, termasuk enam (6) kes baharu yang dilaporkan pada hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,152 unit

- Hospital 1,265 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.21%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 142 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 17 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 2 |
| Jumlah | 161 |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|------------------------------------|-----------|
| Arab Saudi | 2 |
| Emiriah Arab Bersatu | 11 |
| China | 1 |
| United Kingdom | 2 |
| India | 1 |
| Jumlah | 17 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|------------|
| Malaysia | 155 |
| Bukan Malaysia | 6 |
| Jumlah | 161 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 23 |
| Belum Menerima Vaksin | 17 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 110 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 11 |
| Jumlah | 161 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|------------|
| <1 | 2 |
| 1 to 5 | 11 |
| 6 to 11 | 10 |
| 12 to 17 | 10 |
| 18 to 25 | 25 |
| 26 to 59 | 81 |
| >60 | 22 |
| Jumlah | 161 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,533 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,509 orang adalah penduduk dewasa dan 24 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 2 Januari 2022 adalah seramai 2,449,443 orang. Ini meliputi 2,113,183 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.61% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,070 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,737 orang atau 75.87% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,620 orang atau 77.48% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,333 atau 71.74% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,876** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,798 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 46 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 95 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 47 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 824 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 214 premis perniagaan dan 247 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 232 Premis Perniagaan melibatkan 116 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 71 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 75 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kunak | 98.4% |
| 2 | Beluran | 98.2% |
| 3 | Tenom | 98.2% |
| 4 | Kudat | 98.2% |
| 5 | Kota Belud | 98.2% |
| 6 | Tuaran | 98.1% |
| 7 | Sipitang | 98.1% |
| 8 | Lahad Datu | 98.1% |
| 9 | Ranau | 98.1% |
| 10 | Beaufort | 98.1% |
| 11 | Kota Marudu | 98.1% |
| 12 | Kinabatangan | 98% |
| 13 | Sandakan | 98% |
| 14 | Semporna | 98% |
| 15 | Keningau | 98% |
| 16 | Tawau | 98% |
| 17 | Kota Kinabalu | 98% |
| 18 | Papar | 98% |
| 19 | Penampang | 98% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II